

07/04/2001

Dalang di sebalik politik antarabangsa

Siti Khadijah

MUNGKIN tidak ramai menyedari senario politik antarabangsa, khususnya di Malaysia dan Asia Tenggara kini, seperti wayang kulit yang memukau penonton semata-mata kerana kebijaksanaan dalang yang menggerakkan papatung tidak bernyawa itu seolah-olah menjadi objek hidup.

Seperti wayang kulit, tidak berlebihan dijelaskan, politik antarabangsa juga ada dalang yang memukau orang ramai sehingga terpengaruh dengan gelagat mereka. Malah tidak berlebihan jika dijelaskan ada pihak terperangkap dengan gelagat ahli politik yang tidak beretika.

Pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang ke-42, misalnya menyaksikan percaturan politik yang tidak beretika. George W Bush yang sepatutnya segera diisytiharkan sebagai pemenang jawatan presiden itu tertangguh beberapa bulan. Pencabarnya Al Gore enggan mengaku kalah. Untuk kali pertama dunia menyaksikan negara yang mengaku dirinya sebagai bapa demokrasi dunia terperangkap oleh strategi politik yang tidak bermaruah.

Begitu juga perjudian politik antara Israel dan Palestin. Ehud Barak yang ingin mengekalkan kuasa menjadikan Palestin sebagai medan pertarungan strategi dengan Ariel Sharon, tetapi Sharon yang terkenal lebih ganas dan pernah menyembelih penduduk Shabra-Shatila pada hujung 1980 lalu berjaya meraih minat penduduk Yahudi di Israel.

Selain itu, di Asia Tenggara, Filipina yang mendapat Presiden daripada bekas bintang filem, Joseph Estrada yang rajin membantu fakir miskin tetapi apabila terpilih menjadi presiden bertukar menjadi sebaliknya. Ternyata Estrada lebih ganas dan rakus daripada penyangak mata wang George Soros.

Jika kita meninjau jiran serumpun yang lebih dekat, Indonesia ternyata lebih menyedihkan. Dengan keadaan presidennya Abdul Rahman Wahid atau Gus Dur yang daif itu, rakyat tidak berhenti-henti mendesak supaya diadakan pembaharuan politik, ekonomi, budaya, pasaran saham dan pelbagai lagi.

Tetapi Abdul Rahman tidak mampu berbuat sesuatu pun. Begitu juga penyembelihan penduduk Islam di Ambon serta di Aceh dan terbaru, masyarakat Madura disembelih oleh kaum Dayak di Kalimantan Utara, tetapi Abdul Rahman menganggapnya sandiwara saja.

Meneliti semua ini, kita mula terfikir apakah sebenarnya yang berlaku. Apakah ada tangan rahsia (invisible hands) yang menggerakkan suasana ini.

Seperti yang kita maklumi, Indonesia adalah sebuah negara Islam yang terbesar manakala Filipina, walaupun sebahagian penduduknya beragama Islam, terutama di kepulauan Mindanao, tetapi majoriti rakyat negara itu menganut Kristian. Kedua-dua negara itu mempunyai sumber kekayaan dan kekuatan yang tersendiri. Negara luar sudah tentu tidak senang melihat keadaan negara di Asia Tenggara itu aman.

Banyak lagi contoh negara huru-hara walaupun penduduknya tidak berbilang kaum. Fiji, misalnya yang mencapai kemerdekaan daripada Britain pada 10 Oktober 1970. Juga tidak pernah berasa aman. Kemerdekaan pada negara itu seolah-olah anugerah berdarah yang tidak pernah pulih.

Rampasan kuasa sering berlaku. Misalnya, Ratu Kami Sese K T Mara yang dilantik menjadi Perdana Menteri Fiji pada Mei 14 1987, digulingkan oleh Sitiveni Rabuka pada September 1987 dan mengisytiharkan Fiji sebagai Republik seterusnya keluar daripada Komanwel.

Ketidakseimbangan politik Fiji itu tidak terhad setakat itu saja. Mahendra Chaudhry yang memenangi pilihan raya Fiji dan dilantik menjadi Perdana Menteri pada Mei 1999 dijatuhkan pula oleh musuh ketatnya, seorang

ahli perniagaan George Speight pada Mei 2000. Ratu Jobe Seniloli jadi presiden dan pada 13 Julai 2000, Speight membebaskan Chowdry.

Untuk lebih menyulitkan keadaan, Mahkamah Agung Fiji yang diketuai Anthony Gate mengesahkan Perlembagaan Fiji 1997 masih diperakukan dan secara automatik Mahendra Chaudhry kekal sebagai Perdana Menteri.

Menyeberang sedikit saja sempadan Fiji kita digeletek oleh kengerian pembunuhan demi pembunuhan di Republik Congo. Dua puak besar yang menghuni negara itu, Tutsi dan Hutu tidak pernah hidup aman. Masing-masing saling berbunuhan.

Paling terbaru ialah membabitkan Laurent Kabila seorang peniaga menggulingkan perdana menteri yang sah republik itu, Mobutu Seseko pada 1997. Bagaimanapun pada 16 Januari 2001, Kabila pula kena tembak dan anaknya, Joseph Kabila diisytiharkan sebagai Perdana Menteri. Persoalannya, berapa lama pula keadaan tenang itu boleh berterusan di republik itu.

Di Timur Tengah, terutama Palestin, kaum Yahudi bermaharajalela, membunuh dengan sewenang-wenangnya tanpa belas kasihan dan batasan umur. Kanak-kanak Palestin yang sedang bermain menjadi sasaran peluru tentera Rejim Zionis. Lebih menyedihkan apabila penderitaan ditanggung oleh penduduk asal tanah suci Baitulmaqdis, tidak sedikitpun mendapat pembelaan bangsa Arab sendiri.

Apabila keadaan di Palestin kelihatan lebih meruncing, pemimpin negara Arab hanya mampu mengeluarkan kenyataan mengutuk tindakan ganas penduduk Yahudi mahupun tenteranya dan tidak lebih daripada itu.

Selain negara terbabit, hampir di seluruh dunia bencana yang dicipta oleh manusia sendiri, seperti rampasan kuasa, tunjuk perasaan jalanan, rompak, pembakaran besar-besaran, serangan ke atas negara tetangga seperti yang dilakukan oleh Australia terhadap Timor-Timur di Indonesia menjadi pepatung wayang kulit yang digerakkan dalang antarabangsa.

Persoalannya ialah siapakah dalang yang menjadikan dunia sebagai pentas permainan politiknya. Ada pemerhati politik dan pengawas politik antarabangsa berpendapat semua ini digerakkan oleh CIA (Central Intelligence of America) yang bertujuan menegak unipolar pemerintahan dunia yang dikuasai Amerika Syarikat.

Ada juga yang berpendapat, pertubuhan agama dan Yahudi bergabung dengan Amerika untuk membentuk empayar minda dunia dengan berkiblatkan kepada kuasa dunia itu atau negara Barat yang lain. Sebagai contoh, ahli sains politik terkenal Amerika, Samuel P Huntington pernah meramalkan peperangan besar dunia tidak akan berlaku, sebaliknya akan tercetus peperangan tamadun. Bagaimanapun, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam buku, *A New Deal For Asia*, diterbitkan pada 1999 (muka surat 134) menafikan pertempuran antara tamadun, sebaliknya dunia tidak pernah patuh kepada pendapat teori akademik. Perkara ini sudah terbukti sehingga ke hari ini. Ia hanya satu angan-angan intelektual semata-mata. Walaupun ada acahan pembunuhan kaum atau pergaduhan antara agama ia tidak akan menjadikan peperangan tamadun menjadi kenyataan.

Mungkin benar atau tidak, tetapi yang jelas sekarang ialah Amerika tiada saingan ketenteraan yang besar lagi. Kejatuhan sistem Komunis dunia pada akhir 1980 seolah-olah memberi kuasa kepada Amerika untuk mengasah taringnya.

Semua penjualan senjata berpusat di Amerika Syarikat. Ujian untuk kecanggihan itu diajukan kepada Iraq yang sebelum itu adalah sekutu kuat Amerika Syarikat, tetapi dikalahkan oleh intrik minyak Kuwait sehingga memerangkap Iraq menyerang Kuwait pada 1990.

Kini, tidak lagi yang sanggup melawan Amerika. Walaupun blok negara Kesatuan Eropah (EU) berjaya membentuk kesatuan yang kukuh, tetapi blok itu belum mampu menandingi kekuatan Amerika.

Di Malaysia pula jelas, perbuatan sesetengah parti pembangkang yang enggan mengadakan pertemuan untuk menyatukan bangsa Melayu adalah petanda menunjukkan ada unsur luar yang sedang mengenyit mata.

Misalnya, demonstrasi jalanan yang menjadi budaya baru rakyat Indonesia kini cuba diimport oleh sebuah parti pembangkang yang tidak mempunyai sebarang matlamat, kecuali huru-hara. Perkara ini dipanaskan oleh media massa dan sumber berita dalam Internet yang tidak mementingkan negara, sebaliknya menjadi jari-jemari media asing.

Malah, tidak berlebihan dijelaskan sejak negara merdeka 43 tahun lalu, inilah kali pertama hala tuju politik pembangkang seolah-olah ditentukan oleh anasir luar.

Pilihan raya umum 1999 membuktikan anasir luar berfungsi penting dalam mengukuhkan kekuatan pembangkang. Mereka mendapat sokongan moral daripada Al Gore yang ketika itu Naib Presiden Amerika Syarikat, tetapi kini tersungkur di pintu White House akibat strategi yang memakan dirinya sendiri.

Dalam pilihan raya umum 1999, pembangkang di Malaysia menguasai dua negeri di pantai Timur serta memenangi beberapa kerusi penting di Kedah, Perak, Pahang dan Selangor. Kedudukan keputusan yang di luar jangkaan itu bukan sekadar meninggalkan kesan buruk kepada kekuatan politik negara, malah kesan psikologi yang mendalam kepada rakyat negara ini.

Paling terbaru ialah pergaduhan keluarga di Kampung Medan. Pergaduhan itu sebenarnya terlalu kecil, tetapi diperbesar-besarkan oleh anasir luar negara untuk menunjukkan ketidakstabilan politik dan kehancuran keharmonian kaum di negara ini. Ada media luar negara yang menjelaskan kononnya peristiwa itu lebih buruk daripada 13 Mei 1969.

Kita bersyukur kerana mempunyai kerajaan yang cekap dan dengan bijaksana berjaya menangani peristiwa itu yang sekali gus mematikan ramalan petualang luar negara.

(END)